

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,  
PENGKAL KEEMPAT, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ STAMPIN ]**

**TARIKH SOALAN : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 64**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada SMEs dalam negara untuk mengatasi kemerosotan ekonomi yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19 kebelakangan ini dan berapa daripada jumlah itu telah diberikan kepada SMEs di Sarawak dalam tahun 2020 dan 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menerusi **SME Corp. Malaysia** telah menjalankan program pembangunan usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti berikut:
  - (i) **Program Business Accelerator Programme (BAP) 3.0**
    - a. bertujuan bagi meningkatkan keupayaan PKS melalui khidmat nasihat perniagaan dan sokongan kewangan.
    - b. Sejak tahun 2020 dan sehingga Julai 2021, sejumlah RM0.99 juta geran telah diluluskan untuk 5 PKS di Sarawak.
  - (ii) **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)**
    - a. bertujuan meningkatkan daya saing PKS Bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi khidmat nasihat dan sokongan kewangan dalam bentuk geran bersamaan.
    - b. Pada tahun 2020 dan sehingga Julai 2021, sebanyak RM2.3 juta (5.7%) geran telah diluluskan untuk 12 PKS di Sarawak.
  - (iii) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)**
    - a. membantu meningkatkan penglibatan belia Bumiputera dalam perniagaan.

- b. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), sejumlah 52 belia Bumiputera Sarawak telah menerima manfaat melalui latihan yang dijalankan dengan jumlah geran bernilai RM0.58 juta.
2. **Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)** turut membangunkan program Pembiayaan Rangsangan Pasca COVID-19 (RECURVE) kepada usahawan francais yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Sejak tahun 2020 sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 26 akaun pembiayaan berjumlah RM2,495,400 telah diluluskan dan 1 akaun berjumlah RM9,400 adalah dari Sarawak.
  3. **SME Bank** telah menawarkan pelbagai bentuk pembiayaan kepada usahawan. Bagi negeri Sarawak, sejak tahun 2017 sehingga pertengahan Ogos 2021, SME Bank telah meluluskan pembiayaan kepada 471 usahawan melibatkan jumlah sebanyak RM835.5 juta.
  4. **TEKUN Nasional** menawarkan bantuan pembiayaan sebagai suntikan modal pusingan kepada usahawan terjejas untuk meneruskan operasi. Bagi tahun 2021 sehingga Julai, sejumlah RM19.1 juta nilai pembiayaan telah disalurkan kepada seramai 853 orang usahawan di Sarawak.
  5. **Bank Rakyat** telah menyalurkan bantuan pembiayaan kepada usahawan negeri Sarawak berjumlah RM24.78 juta pada tahun 2020 dan RM10.04 juta pada tahun 2021 (sehingga Julai).

6. Kementerian melalui **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)** menyediakan program-program latihan/ pembangunan kapasiti seperti yang berikut:
- (i) **Program Latihan INSKEN** memberi tumpuan kepada pengetahuan teknikal untuk membimbing usahawan bagi mempertingkatkan operasi harian. Sehingga pertengahan Ogos 2021, penyertaan oleh usahawan dari Sarawak adalah seramai 445 orang.
  - (ii) **Program Bimbingan INSKEN** iaitu INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC) dan Online OnBoarding Coaching Programme (E-Board) yang mensasarkan peningkatan hasil jualan minimum sebanyak 20%. Sehingga pertengahan Ogos 2021, penglibatan usahawan dari Sarawak adalah seramai 33 orang.
  - (iii) **Program Konsultasi INSKEN** yang menawarkan khidmat bantuan secara *one-to-one*. Sehingga pertengahan Ogos 2021, seramai 563 orang usahawan telah mendaftar dalam program ini dan seramai 13 orang usahawan merupakan usahawan dari Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 ( RABU )**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah prosedur dan kriteria aturcara yang diikuti oleh KKM untuk memastikan jika sesebuah sampel itu akan disaring untuk ujian genomik.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi pemilihan sampel yang akan digunakan untuk menjalankan ujian genomik adalah seperti berikut:

1. Kes-kes dari kawasan yang di bawah pemantauan oleh Kesihatan Awam disebabkan oleh kadar jangkitan yang tinggi atau peningkatan kes yang sangat tinggi dalam masa yang singkat
2. Kes-kes (1) perlu merangkumi yang berikut:
  - i. Kumpulan umur yang lain

- ii. Kumpulan kes dari gejala ringan ke gejala teruk sehingga kematian.
  - iii. Lokaliti berlainan di sesuatu negeri;
3. Pintu masuk antarabangsa
  4. Kanak-kanak di kawasan dengan peningkatan kes melibatkan kanak-kanak
  5. Kes kemudaratan terutama di kalangan individu berumur kurang dari 60 tahun tanpa sebarang komorbid. Termasuk kes-kes kemudaratan yang melibatkan pesakit yang muda tanpa sebarang komorbid
  6. Pesakit dengan gejala yang tidak biasa, termasuk yang cepat merosot kesihatan dan dimasukkan ke unit rawatan rapi dan sebagainya
  7. Kes-kes yang disyaki mendapat jangkitan ulangan
  8. Pekerja kesihatan atau orang awam, yang telah mendapat jangkitan COVID-19, walaupun telah mendapat vaksinasi penuh
  9. Sebarang kes kematian atau kes yang dibawa selepas kematian (Brought in Death, BID) dengan keputusan RT-PCR positif
  10. Kes-kes klinikal yang seakan-akan COVID-19 tetapi ujian RT-PCR adalah negatif berulang kali atau tidak dapat mengesan gen “spike”. Ini adalah kerana apabila ujian yang digunakan tidak dapat mengesan gen “spike”, ini adalah disebabkan mutasi yang dikaitkan dengan VOC dan boleh menggunakan keputusan ini sebagai proksi untuk mengesan VOC.
  11. Kes-kes dari surveilan SARI/ILI serta kes dipilih secara rawak.
  12. Oleh kerana kandungan serta kualiti RNA adalah penting untuk memastikan kejayaan menjalankan penjujukan genome virus penuh,

**SOALAN NO : 65**

maka sampel-sampel klinikal yang dihantar seharusnya mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Sampel yang mempunyai Ct kurang dari 25
- ii. Sampel dihantar ke makmal dengan memastikan rangkaian kesejukan (cold chain) tidak terputus dan sampel disimpan di suhu rendah yang sesuai
- iii. Memastikan sampel klinikal tidak melalui proses beku-cair beberapa kali oleh kerana akan memberi kesan kepada kualiti

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan tahanan dan peratus remaja yang ditahan bawah POCA, SOSMA, POTA dan Akta Dadah Berbahaya 1985 (Langkah-langkah Pencegahan Khas) sejak tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sepanjang tahun 2020 sehingga Ogos 2021, seramai 369 orang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), manakala seramai 2,832 orang pula telah ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan tiada tangkapan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA). Daripada jumlah tersebut, tiada remaja yang telah ditahan.

Manakala, di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (LLPK) pula, seramai 1,814 orang telah ditahan bagi tempoh sepanjang tahun 2020 sehingga Jun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1.38 peratus remaja yang telah ditahan bagi tempoh sepanjang tahun 2020 sehingga Jun 2021.